



17 MAR, 2023

Harga barang naik: Pengguna perlu bijak, jangan asyik salahkan kerajaan sahaja

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Harga barang naik: Pengguna perlu bijak, jangan asyik salahkan kerajaan sahaja

PETALING JAYA: Pengguna sentiasa berdepan isu kenaikan harga barang sepanjang tahun terutamanya menjelang musim perayaan. Isu ini hanya boleh berubah sekiranya pengguna sendiri bekerjasama untuk membawa perubahan.

Mengapa setiap kali berlaku kenaikan harga barang tidak kira semasa musim perayaan mahupun pandemik Covid-19, kerajaan yang disalahkan?

Malah, kerajaan juga diharap berbuat sesuatu untuk membawa perubahan tetapi pengguna tidak melakukan apa-apa?

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia

(PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, perubahan boleh dilakukan dengan menjadi kan-pengguna yang bijak, sentiasa bandingkan harga barangan di beberapa lokasi sebelum membuat pembelian.

Katanya, pengguna harus lebih bertanggungjawab dengan mempunyai ilmu mengenai harga barangan yang dibeli, bandingkan harga barangan dengan harga pasaran yang ditentukan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

“Sentiasa menyimpan resit pembelian supaya dapat dibandingkan harga barangan di pasar raya tersebut dengan pasar raya lain dan jangan meneruskan

pembelian sekiranya mendapati harga yang ditawarkan di lokasi tersebut melebihi daripada harga yang sepatutnya.

“Pada masa yang sama, kita sebagai pengguna harus bekerjasama dengan tidak melakukan pembelian di kedai yang meletakkan harga yang tinggi serta didik anak-anak kita perkara yang sama juga,” ujarnya.

Menurut Nadzim, didikan bermula daripada keluarga sendiri, sekiranya ibu bapa melakukan pembelian dengan bijak, sudah pasti anak-anak akan turut mengikut langkah tersebut.

Katanya, pengguna tidak boleh mengambil mudah semua perkara dan harapkan ba-

rangan murah begitu sahaja tetapi tidak mahu mengambil inisiatif sendiri.

“Tanam sayur-sayuran di belakang rumah seperti cili, kacang bendi, tomato, *bok choy* dan kangkung, ini serba sedikit mampu menjimatkan perbelanjaan.

“Pengguna harus proaktif dan mendisiplinkan diri untuk melakukan sesuatu, mereka sedar bahawa isu ini sentiasa berlaku tetapi masih mahu menuding jari menyalahkan orang lain tanpa melakukan apa-apa.

“Kita sebagai pengguna perlu pastikan ada perubahan dalam diri kita, jangan asyik menunggu peniaga atau kerajaan untuk membawa perubahan,” ujarnya.



17 MAR, 2023

Harga barang naik: Pengguna perlu bijak, jangan asyik salahkan kerajaan sahaja

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Pengguna sentiasa berdepan isu kenaikan harga barang sepanjang tahun terutamanya menjelang musim perayaan. Isu ini hanya boleh berubah sekiranya pengguna sendiri bekerjasama untuk membawa perubahan.